

Sikap Kerajaan Jordan Terhadap Wilayah Palestin di Asia Barat, 1948–1988

The Attitude of the Jordan Government Towards Palestine's Territory in West Asia, 1948–1988

MUHAMAD HASRUL ZAKARIAH

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

E-mail: hasrul74@usm.my

Published online: 26 May 2025

To cite this article: Muhamad Hasrul Zakariah. 2025. Sikap kerajaan Jordan terhadap wilayah Palestin di Asia Barat, 1948–1988. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 32(1): 101–121. <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2025.32.1.6>

Abstract. *This study examines the attitude of the Jordanian government towards Palestine's territory of the West Bank before and after the Arab Israeli War in June 1967 until the disengagement decision of 1988. Since year 1948, the territory including the eastern part of Baitul Maqdis (Jerusalem) was ruled by the Jordan government. The founder of the country, King Abdullah I claimed his sovereignty towards the area constantly, and unified them with the eastern bank of the Jordan River (Transjordan) in 1950 became the Hashemite Kingdom of Jordan. During this period, there was no effort to acknowledge publicly the West Bank as Palestine's region and the Baitul Maqdis town as Palestine's capital. When the Israeli regime occupied the area in the Arab Israeli War 1967, the ruler ceased the sovereignty claims, subsequently the attitude changed to Palestine's territory instead of Jordan's land. Eventually, in 1988 King Hussein of Jordan proclaimed the administration and legal disengagement of the West Bank because of the political pressure from the Palestinian political organisations. The study applied history discipline methodology and analysis of archival sources. The findings of the study unveiled the actual attitude of the Arab leaders behind the political rhetoric toward the Palestinians' struggle and aspiration.*

Keywords and phrases: Jordan, attitude, Palestine, discrimination, West Bank

Abstrak. Kajian ini menyelidiki sikap kerajaan Jordan terhadap wilayah Palestin di Tebing Barat sebelum dan selepas Perang Arab-Israel pada Jun 1967 sehingga berlakunya keputusan pemisahan (*disengagement*) pada tahun 1988. Sejak tahun 1948, wilayah Tebing Barat termasuk kota Baitul Maqdis Timur (Jerusalem) diperintah oleh kerajaan Jordan. Pengasas negara Jordan, Raja Abdullah I secara berterusan mendakwa wilayah ini sebagai wilayah Jordan. Baginda kemudiannya menyatukan Tebing Barat dengan wilayah Tebing Timur atau Transjordan pada tahun 1950 menjadi The Hashemite Kingdom of Jordan. Pada era tersebut, tidak pernah timbul sebarang usaha untuk mengiktiraf Tebing Barat sebagai wilayah Palestin dan Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin secara terbuka. Setelah Israel menakluki wilayah Tebing Barat dalam Perang Arab-Israel pada Jun 1967, sikap kerajaan Jordan beransur-ansur berubah dengan tidak lagi mendakwa Tebing Barat sebagai wilayah Jordan dan menggugurkan tuntutan kedaulatan terhadap wilayah Palestin ini. Kemuncak kepada perubahan ini adalah ketika Raja Hussein mengumumkan tindakan pemisahan pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang Jordan di Tebing Barat pada tahun 1988. Keputusan baginda ini berpunca daripada desakan organisasi politik Palestin. Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan disiplin sejarah dan analisis dokumen-dokumen arkib. Akhir sekali, dapatan kajian ini telah mendedahkan sikap sebenar kepimpinan Arab di sebalik retorik politik mereka terhadap perjuangan dan aspirasi penduduk Palestin.

Kata kunci dan frasa: Jordan, sikap, Palestin, diskriminasi, Tebing Barat

Pendahuluan

Makalah ini menganalisis perubahan sikap kerajaan Jordan terhadap wilayah Tebing Barat, Palestin, dari tahun 1948 sehingga tahun 1988. Tebing Barat yang dikenali juga sebagai wilayah Judea dan Samaria di Israel ialah wilayah Palestin yang terletak di bahagian tebing barat Sungai Jordan. Ketika di bawah pemerintahan Jordan selama 19 tahun iaitu sejak tahun 1948 sehingga 1967, Amman tidak pernah menganggap wilayah Tebing Barat, yang turut menempatkan kota Baitul Maqdis Timur (Jerusalem) sebahagian daripada wilayah Palestin. Walau bagaimanapun, setelah Israel menakluki wilayah Tebing Barat ini pada bulan Jun 1967, sikap monarki Jordan beransur-ansur berubah kepada pengiktirafan bahawa wilayah tersebut adalah milik Palestin dan bukannya sebahagian Jordan lagi. Menurut Sharnoff (2022), “Jordan’s attitudes toward the West Bank have evolved from viewing the land as an integral part of the Hashemite Kingdom during Jordanian rule, to an Israeli-occupied Jordanian land after the 1967 war”.

Kerajaan Jordan sejak tahun 1948 menegaskan bahawa wilayah Palestin ini sebahagian daripada wilayah Jordan, terutamanya pada tahun 1950, ketika Raja Abdullah I mengisytiharkan Tebing Barat secara rasminya sebagai wilayah Jordan di bawah konsep “Negara di Dua Tebing”. Walaupun demikian, sebaik Israel menakluki wilayah ini pada tahun 1967, sikap monarki Jordan telah berubah

daripada penaklukan rejim Zionis terhadap wilayah Jordan atau wilayah Arab menjadi penjajahan wilayah Palestin. Justeru, makalah ini juga akan mencerakinkan secara kronologinya sejarah pemerintahan Jordan di wilayah Palestin sejak tahun 1948 sehingga tahun 1967 bagi menunjukkan bahawa ketika wilayah ini berada di bawah penguasaan rejim Arab, tidak timbul persoalan atau sebarang usaha khususnya daripada pemerintah Jordan untuk memerdekakan Tebing Barat sebagai wilayah Palestin, atau setidaknya-tidaknya, mengisytiharkan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin. Menurut Adnan Abu-Odeh, mantan penasihat politik Raja Hussein dan Raja Abdullah II, sikap rejim Amman secara beransur-ansur berubah daripada *indivisible part of Jordan* (Jordan yang bersatu) sebelum 1967 kepada penaklukan wilayah Jordan, dan kemudian berubah lagi kepada penaklukan *Palestine territories* (wilayah Palestin) pada era 1980-an (Abu-Odeh dan Tahir 2017). Makalah ini mengaplikasikan metodologi penyelidikan disiplin sejarah dan penggunaan sumber arkib yang relevan dalam konteks membantu pemahaman sejarah yang menyeluruh tentang isu Palestin.

Sejarah ringkas pemerintahan Jordan di Tebing Barat sejak tahun 1948

Ketika Persidangan San Remo 1920 selepas tamatnya Perang Dunia Pertama, pihak kuasa Berikat melalui Liga Bangsa-bangsa telah mengiktiraf Britain sebagai pentadbir wilayah Palestin melalui sistem mandat bermula pada tahun 1922. Walaupun begitu, sejak tahun 1921, pihak British telah pun menyerahkan tiga perempat wilayah asal mandat kepada Emir Abdullah, anak kepada Hussein bin Ali al-Hashimi iaitu Sharif atau emir Mekah berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani di London sebelum tercetusnya Revolusi Arab pada tahun 1916 sehingga tahun 1918 yang menentang pemerintahan Empayar Turki-Uthmaniyyah (Sykes 1965, 65). Negara Arab baharu yang dikenali sebagai Transjordan ini terletak di wilayah tebing timur Sungai Jordan. Transjordan seterusnya memperoleh status separa kemerdekaan daripada Britain mulai tahun 1923 sebelum memperoleh kemerdekaan penuh pada tahun 1946 dengan Emir Abdullah menjadi raja Jordan yang pertama. Pada tahun 1947, Pelan Pembahagian Palestin telah dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Resolusi 181 yang membahagikan wilayah Palestin di bawah mandat British kepada komuniti Yahudi dan Arab (Kamel 2022). Raja Abdullah I yang merupakan anak tertua Sharif Mekah tidak gembira dengan agihan pembahagian oleh PBB memandangkan wilayah Hejaz yang menjadi tapak asal pemerintahan keluarga baginda telah jatuh ke tangan dinasti Saud. Selain itu, wilayah Syria yang luas juga telah dikuasai oleh pihak Perancis. Kawasan Transjordan yang diperuntukkan kepada baginda dirasakan tidak strategik dan mengecewakan dari segi potensi ekonominya. Wilayah Transjordan ketika itu tidak lebih daripada kawasan padang pasir yang kontang di timur Sungai Jordan, penuh dengan kabilah Badwi dan

beberapa kampung komuniti Circassian (Pappē 2007, 43). Justeru, Raja Abdullah I mengimpikan peluasan wilayah baginda ke kawasan yang lebih subur, berbudaya dan padat penduduk di Palestin iaitu di tebing barat Sungai Jordan. Menurut Pappē (2007), kaedah terbaik untuk memenuhi impian baginda ketika itu adalah melalui kerjasama dengan kepimpinan Zionis.

Berikutan itu, beberapa siri pertemuan dengan pemimpin Zionis telah dilakukan oleh Raja Abdullah I dalam memastikan cita-cita untuk meluaskan wilayah kekuasaan baginda tercapai. Rundingan yang dilakukan melibatkan pemimpin Zionis daripada The Jewish Agency seperti Moshe Sharett dan Golda Meir melalui satu perbincangan sulit bersama Raja Abdullah I pada November 1947 (Shlaim 1988, 139). Dalam dokumen arkib yang dipetik oleh Joseph Névo berkenaan perbincangan sulit tersebut, pemimpin Zionis iaitu Golda Meir telah mendedahkan sikap sebenar Raja Abdullah I tentang sebarang usaha penubuhan negara Palestin yang merdeka dengan diketuai oleh pemimpin Palestin iaitu mufti Baitul Maqdis ketika itu, Hajj Amin al-Husayni. Sikap Raja Abdullah I ini direkodkan dalam dokumen tersebut sebagai “He (Abdullah) advised the Jewish representatives to use force if the Mufti tried to establish a Palestinian government” (Névo 1996, 71–72). Malah ketika perundingan tersebut, Raja Abdullah I dan Golda Meir bersependapat bahawa pemimpin Palestin seperti Hajj Amin adalah “musuh bersama” Transjordan dan Zionis (Sykes 1965, 392). Sementara itu, menurut Haddad dan Hardy (2003), Raja Abdullah I melihat penubuhan negara Palestin yang merdeka sebagai suatu ancaman nyata (*an existential threat*) kepada kepimpinan baginda. Hasil daripada perbincangan dengan pemimpin Zionis ini, wilayah Israel akhirnya telah diperluas melebihi 80% daripada wilayah mandat Palestin, iaitu 55% daripada kawasan asal yang diputuskan dalam Pelan Pembahagian PBB 1947 dan tambahan 25% lagi adalah daripada wilayah Arab Palestin. Raja Abdullah I dengan persetujuan pemimpin Zionis pula telah memperoleh lebih 20% wilayah Arab Palestin sebagai habuan iaitu di Tebing Barat (Shlaim 1999, 171).

Dalam usaha untuk membina prestij dan legitimasi, Raja Abdullah I ketika itu melihat konflik yang berlaku antara komuniti Yahudi dengan komuniti Arab di Palestin sebagai peluang terbesar untuk dieksploitasi oleh baginda. Malah, Raja Abdullah I juga menegaskan bahawa “Palestin dan Jordan adalah satu” dengan “for Palestine is the coastline and Transjordan the hinterland of the same country” (Yitschak 1991, 113). Walaupun begitu, apabila pihak British menamatkan pemerintahan mandat pada 14 Mei 1948, David Ben Gurion, Perdana Menteri Israel yang pertama telah memproklamasikan penubuhan negara Israel. Penubuhan Israel telah mendorong negara-negara Arab untuk melancarkan perang terhadap negara Zionis tadi atas alasan untuk membebaskan Palestin. Pasukan negara-negara Arab yang disertai oleh Transjordan kemudiannya kalah dalam peperangan ini lantas menyaksikan Transjordan kemudiannya menandatangani perjanjian gencatan

senjata dengan Israel pada 3 April 1949. Perjanjian ini bukanlah perjanjian damai dua buah negara yang mengiktiraf kepentingan bersama, sebaliknya menyaksikan Israel mengiktiraf Tebing Barat termasuk kota Baitul Maqdis Timur menjadi wilayah Jordan (United Nations 1949). Bagi Raja Abdullah I, penguasaan terhadap Tebing Barat khususnya bahagian timur kota Baitul Maqdis amat penting dalam melonjakkan imej dan kredibiliti baginda di dunia Arab dan dunia Islam. Malah, penguasaan Raja Abdullah I terhadap Baitul Maqdis Timur ini amat penting kepada legitimasi dan justifikasi pemerintahan Jordan di wilayah Tebing Barat (Klien 2001, 46). Penguasaan rejim Jordan terhadap wilayah Palestin ini turut menyaksikan pertambahan populasi rakyat Jordan dalam kalangan komuniti Arab Palestin iaitu seramai 450,000 yang berasal dari Tebing Barat, di samping 280,000 lagi merupakan pelarian Palestin dari wilayah yang diduduki oleh Israel dan 70,000 lagi adalah yang melarikan diri langsung dari Tebing Barat ke Tebing Timur, Sungai Jordan (Mishal 1978, 2; Nanes 2010, 162; Brand 1995, 47).

Selepas menakluki wilayah Palestin di Tebing Barat (termasuk wilayah Baitul Maqdis Timur), Raja Abdullah I dengan segera berusaha mengabsahkan pemerintahan baginda di wilayah taklukan ini, dan baginda turut menolak untuk mengiktiraf “kerajaan Palestin” (*Hukumat ‘umum Filastin*) yang merdeka, atau dikenali juga sebagai *All Palestine Government* (APG) yang ketika itu diketuai oleh pemimpin Palestin, Mufti Hajj Amin al-Husayni di Semenanjung Gaza (Shlaim 2012, 79). Malahan atas pertimbangan strategik, Raja Abdullah I telah berikrar untuk tidak tunduk kepada desakan penubuhan negara Palestin yang merdeka oleh Hajj Amin yang disokong oleh Syria ketika itu. Menurut baginda:

I will not let others precede me in the capture of the strategic positions in Palestine, but that does not mean that I intend to act all alone. The Mufti (Hajj Amin) and President Kuwatly of Syria want to set up an independent Arab state in Palestine with the Mufti as its head. If that were to be happened, I would be encircled on almost sides by enemies. (Sykes 1965, 391)

Pada 15 Oktober 1948, Raja Abdullah I kemudiannya telah menggerakkan ketumbukan tentera untuk menghapuskan pengikut-pengikut setia Hajj Amin al-Husayni (Krämer 2008, 319). Menurut Bailey (1984) penolakan rakyat Palestin terhadap kepimpinan Raja Abdullah I ini adalah kerana “yearning to return to their homes, Palestinians resented Jordan’s attempts to create an expanded Jordanian state at the expense of a Palestinian state”. Malah menurut Bailey lagi, Raja Abdullah I sebenarnya amat khuatir dengan sebarang kemunculan negara Arab Palestin ini. Menurut baginda, kemunculan negara Arab Palestin seperti di Semenanjung Gaza tersebut bukan sahaja “inhibit his own irredentist ambitions” tetapi juga “threaten his existing position east of the river Jordan” (Bailey 1984, 2).

Bagi menamatkan terus pengaruh kerajaan Palestin di Gaza, penyokong baginda selanjutnya telah mengadakan pula perhimpunan di Amman pada 1 Oktober 1948 dan diikuti pula dengan satu persidangan di Jericho pada 1 Disember tahun yang sama. Ketika berlangsungnya Persidangan Jericho ini, baginda kemudiannya telah dimasyhurkan sebagai “Raja Arab Palestin” (Nasur, al-Fawwaz and al-Afif 2012, 2). Baginda juga menyatakan hasrat politiknya untuk menyatukan wilayah Tebing Barat, Palestin dengan Transjordan seterusnya menjadikan kawasan-kawasan tersebut sebagai sebahagian wilayah kekal Jordan. Hasrat baginda ini dibantah oleh kesemua ahli Liga Arab dan mereka sebaliknya mengiktiraf kerajaan Palestin di Gaza di bawah pimpinan Mufti Hajj Amin al-Husayni melalui pengisytiharan pada 20 September 1948 (Nasur, al-Fawwaz dan al-Afif 2012, 4; Department of State 1976). Mengulas tindakan Raja Abdullah I, Setiausaha Agung Liga Arab ketika itu, Abdel Rahman Hassan Azzam menggambarkan bahawa “Abdullah was to swallow up the central hill regions of Palestine, with access to the Mediterranean at Gaza” (Karsh 2010, 233). Tanpa mempedulikan desakan Liga Arab dan kepimpinan Palestin, pada 3 April 1949, Jordan telah bersetuju menandatangani perjanjian dengan Israel untuk mengiktiraf pemerintahan Amman di Tebing Barat, Palestin, termasuklah wilayah Baitul Maqdis Timur tempat terletakinya Masjid al-Aqsa (UN Security Council 1949).

Raja Abdullah I kemudiannya meluluskan resolusi di parlimen Jordan pada bulan April 1950 yang menyaksikan wilayah Tebing Barat, Palestin, termasuk kota Baitul Maqdis Timur disatukan dengan wilayah Tebing Timur, Transjordan menjadi sebahagian wilayah Jordan di bawah pemerintahan baginda (Jordanian Parliament 1950). Pada masa yang sama, rejim Abdullah I menganggap bahawa sebarang organisasi politik Palestin yang berjuang untuk menubuhkan negara Palestin yang merdeka sebagai gerakan subversif dan ancaman serius kepada kesatuan negara Jordan (Khalidi 2007, 136). Raja Abdullah I dalam ucapannya di parlimen Jordan pada tahun 1950 menegaskan “Complete unity between the two sides of the Jordan and their union into one state which is the Hashemite Kingdom of Jordan at whose head reigns King Abdullah ibn Al Hussain on a basis of constitutional representative government and equality of the rights and duties of all citizens” (Shwadran 1959, 296). Serentak dengan itu, nama “The Hashemite Kingdom of Jordan” telah secara rasmi digunakan bagi menggantikan nama Transjordan dalam menggambarkan wilayah baharu negara tersebut yang lebih luas merangkumi wilayah Tebing Barat, Palestin.

Tindakan Raja Abdullah I memasukkan wilayah Tebing Barat, Palestin, sebagai sebahagian Jordan disyaratkan hanya bersifat sementara seperti yang ditegaskan dalam resolusi Liga Arab pada 13 Jun 1950 yang menyebut bahawa “the Arab part of Palestine annexed by Jordan as a trust in its hands until the Palestinian case is

fully solved in the interests of its inhabitants” (al-Madfai 1993, 7). Pengusahaan baginda terhadap kota Baitul Maqdis Timur pula diiktiraf bersifat *de facto* oleh pihak British dan hanya Pakistan yang mengiktiraf status *de jure* baginda terhadap kota bersejarah ini (Talal 1981, 41). Penyatuan ini dilihat sebagai usaha baginda untuk mengekang sebarang tuntutan penduduk Palestin terhadap tanah air mereka dan mengikis identiti bangsa Palestin. Justeru, sebarang rujukan tentang Palestin adalah diharamkan sama sekali daripada digunakan di “negara baharu” tadi (Brand 1988, 163). Pendudukan Jordan ke atas wilayah Palestin ini turut disokong oleh pihak Barat dan Israel. Ketika lawatan Perdana Menteri Transjordan, Tawfiq Abu al-Huda ke London sebelum itu pada Januari 1948, pihak British bersetuju bahawa Amman perlu menguasai seluruh wilayah Arab yang diperuntukkan di bawah Pelan Pembahagian Palestin 1947 oleh PBB termasuk wilayah Tebing Barat (Shlaim 1988, 163). Ahli sejarah Palestin tersohor, Khalidi (2007) pula mendedahkan bahawa sejak awal lagi iaitu mulai tahun 1947:

(King) Abdullah (of Jordan), Britain, the new state of Israel, and the United States, and the Soviet Union, notwithstanding all the many differences between them, in effect shared one objective in Palestine: preventing the establishment of the Palestinian Arab state.

Raja Abdullah I juga memilih untuk menggunakan nama “Tebing Barat” dalam strategi baginda untuk menstruktur kembali dan meluaskan wilayah kerajaan Transjordan melalui proses “menJordankan” (*Jordanisation*) Tebing Barat seterusnya menghapuskan identiti Palestin (*de-Palestinisation*) (Shlaim 2007, 30). Bagi mencapai misi ini, baginda seterusnya telah memberikan penduduk Palestin di Tebing Barat passport Jordan, status kewarganegaraan Jordan dan hak untuk mengundi (Lunt 1989, 67). Selanjutnya selepas pilihanraya umum Jordan pada 11 April 1950, parlimen Jordan (*Majlis Al-Nuwaab*) distruktur kembali mengandungi 40 kerusi dengan 20 kerusi diisi oleh perwakilan dari Tebing Barat dikenali sebagai *aq-Diffa ʾal-Ġarbiyya* (berdasarkan dikri di raja bertarikh 1 Mac 1950). Bagi perwakilan di Dewan Senat atau *Majlis al-Aayan* yang ahlinya dilantik oleh raja pula, 20 orang wakil telah dilantik dengan 12 orang dari Tebing Timur dan lapan orang dari Tebing Barat, Palestin. Tindakan Raja Abdullah I menduduki wilayah Palestin ini tidak disenangi oleh sebahagian besar warga Palestin sehingga membawa kepada tragedi pembunuhan Raja Abdullah I oleh seorang pelarian Palestin pada tahun 1951 (Gelber 1997, 289; *The Guardian* 1951).

Putera Talal, anak Raja Abdullah I, kemudiannya dilantik menjadi pemerintah baharu Jordan menggantikan ayahandanya namun mengambil keputusan untuk turun daripada takhta disebabkan masalah kesihatan pada 11 Ogos 1952. Walaupun demikian, dalam tempoh bertakhta yang singkat tersebut, Raja Talal

sempat memperkenalkan Perlembagaan Jordan 1952 yang menyatakan dalam Artikel I bahawa “The Hashemite Kingdom of Jordan is an independent sovereign Arab State. It is indivisible and inalienable and no part of it may be ceded....” (The Constitution of the Hashemite Kingdom of Jordan 1993). Artikel dalam perlembagaan ini sering kali dirujuk sebagai bukti bahawa Tebing Barat bukanlah wilayah Palestin sebaliknya wilayah Jordan dan sebarang usaha untuk memisahkan wilayah Tebing Barat dari Jordan (menjadi wilayah Palestin yang merdeka) adalah tidak berperlembagaan.

Pengunduran Raja Talal menyaksikan anak baginda, Raja Hussein, kemudiannya diangkat menjadi raja yang baharu mulai tahun 1953. Raja Hussein, sebagaimana datuk baginda, mempunyai pandangan yang sama bahawa wilayah Tebing Barat adalah wilayah Jordan dan tidak mengiktiraf penduduk Palestin di Tebing Barat sebagai komuniti berasingan dengan warga asli Transjordan, seterusnya tidak berhak untuk mendapatkan sebarang kemerdekaan bagi negara sendiri. Dasar Raja Hussein ini terserlah misalnya dalam penerbitan buku-buku, peta, setem dan pelbagai media yang merujuk wilayah Tebing Barat sebagai wilayah Jordan. Contohnya pada tahun 1959, dalam sebuah buku panduan pelancongan diterbitkan oleh kerajaan yang berjudul *Guide to the West Bank of the Jordan*, wilayah Tebing Barat Palestin disebut sebagai wilayah Jordan dan hanya wilayah yang diduduki oleh Israel seperti di Baitul Maqdis Barat sahaja ditulis sebagai The Occupied Palestine (Jahshan dan Jahshan 1962). Contoh lain yang terdapat dalam buku-buku teks sekolah juga tidak menyatakan wilayah Palestin atau kewujudan komuniti Arab Palestin sebaliknya mereka semua dianggap sebagai warga Jordan.

Sejak tahun 1949 sehingga tahun 1950, Jordan mencatatkan populasi penduduk seramai 1.2 juta, iaitu tiga kali ganda penduduk Transjordan sebelum perang 1948, dan dua pertiga daripada populasi ini ialah penduduk asal Palestin (al-Husseini 2013, 230–245). Walaupun begitu, dalam buku teks sekolah yang diterbitkan pada tahun 1962 tadi, populasi Jordan diklasifikasikan sebagai penduduk Jordan di Tebing Barat dan Tebing Timur tanpa sebarang rujukan tentang Palestin (Jahshan dan Jahshan). Menurut pengkaji seperti Nasser (2004), “Jordan’s population on both sides of the Jordan River are described as Jordanians. There is no reference to the population of the West Bank as Palestinians”. Natijahnya, kewujudan populasi Palestin apatah lagi wilayah mereka sendiri yang merdeka di Tebing Barat ketika itu tidak sesekali diiktiraf oleh rejim Raja Hussein dan keluarga baginda.

Diskriminasi Jordan di Tebing Barat, Palestin, sehingga tahun 1967

Walaupun Perlembagaan Jordan 1952 telah mengabsahkan wilayah Tebing Barat sebagai wilayah Jordan dan penduduk Palestin menjadi warganegara Jordan,

namun pemerintah negara tersebut sehingga tahun 1967 lebih menumpukan proses pembangunan di wilayah Tebing Timur dan mendiskriminasi penduduk asal Palestin. Kajian oleh Brand (1995) misalnya menunjukkan bahawa rejim Raja Hussein telah menganaktirikan wilayah Tebing Barat dalam pelbagai aspek pembangunan berbanding wilayah Tebing Timur sejak era 1970-an dengan polisi *East Bank First Trend* (Tebing Timur Didahulukan). Contohnya dari segi pendidikan, sejak Jordan mentadbir Tebing Barat mulai tahun 1948, taraf pendidikan di wilayah tersebut didapati merosot dengan tidak ada sebuah universiti pun dibina oleh kerajaan Jordan di Tebing Barat. Kemunduran Tebing Barat di bawah pemerintahan Jordan ini menyebabkan ramai warga wilayah tersebut berhijrah ke Tebing Timur. Sejak tahun 1950 sehingga tahun 1967, dianggarkan sekitar 300,000 hingga 400,000 warga Tebing Barat berpindah ke Tebing Timur bagi mencari kehidupan yang lebih baik (Tessler 1994, 458). Malahan apabila tercetusnya Perang Arab-Israel pada Jun 1967, lebih 250,000 pelarian Palestin melarikan diri ke Tebing Timur, Jordan (Brand 1995, 52).

Selain pendidikan, contoh lain ialah pengabaian terhadap pembangunan sektor industri di Tebing Barat walaupun separuh daripada penduduk Jordan ketika itu berada di Tebing Barat. Direkodkan sehingga tahun 1967, hanya terdapat sedikit kegiatan industri di wilayah ini yang banyak tertumpu kepada kilang-kilang kecil dengan pekerja tidak melebihi sembilan orang dalam industri pembuatan sabun, produk minyak zaitun dan perusahaan kraf tangan kecil-kecilan khususnya di daerah Bethlehem (Awartani 1979, 8). Kerajaan Jordan sehingga tahun 1967 pula hanya mempunyai pegangan saham dalam satu kilang sahaja di Tebing Barat berbanding 18 buah kilang di Tebing Timur sehingga tahun 1964. Pemilikan modal kerajaan dalam industri di Tebing Barat ini pula tidak melebihi 3.2% daripada keseluruhan pemilikan modal kerajaan dalam sektor industri Jordan (Dakkak 1987, 74).

Perlu ditegaskan juga bahawa sebelum penyatuan Tebing Barat dengan Tebing Timur pada April 1950, penduduk Palestin di Tebing Barat sebenarnya diakui lebih canggih dan terpelajar berbanding penduduk asal Jordan di Tebing Timur dengan mempunyai lebih ramai golongan profesional seperti doktor, mempunyai penerbitan akhbar dan kesatuan sekerja yang rencam. Malah, anak-anak penduduk Palestin di Tebing Barat yang berpendidikan ketika itu adalah dua kali ganda lebih ramai berbanding penduduk Transjordan (Yapp 1996, 298). Justeru, imigrasi penduduk Tebing Barat ke Tebing Timur lewat 1940-an sehingga 1970-an telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan keseluruhan Jordan khususnya dari segi tenaga kerja mahir. Namun begitu, warga Palestin berasal dari Tebing Barat yang berhijrah ke Tebing Timur ini sering merasai kesan dasar diskriminasi tadi walaupun mereka dianggap sebagai warga Jordan sejak era 1950-an. Berdasarkan

kajian oleh El-Muhtaseb (2013), kebanyakan peluang pekerjaan misalnya dalam perkhidmatan keselamatan dan ketenteraan mengutamakan penduduk asal Jordan dari Tebing Timur. Diskriminasi dan marginalisasi terhadap penghijrah Palestin ini turut meliputi pelbagai aspek ekonomi, politik, pendidikan dan sektor kesihatan. Malahan dari segi politik, daripada sejumlah 20 orang Perdana Menteri Jordan sejak tahun 1950 hingga 1989, hanya empat orang sahaja yang berketurunan Palestin dari Tebing Barat dan mereka juga memegang jawatan dalam tempoh yang singkat. Menurut ahli politik Jordan yang juga seorang ahli sejarah terkenal Palestin, Abu-Odeh (1999), “The exclusion of Palestinian-Jordanians from political life in the kingdom was a function of the creation of a new ‘Transjordanian’ (East Bank) identity after 1970”.

Diskriminasi terhadap wilayah Tebing Barat dan rakyat berketurunan Palestin ini tidak dapat diterima oleh komuniti Palestin memandangkan selama ini Tebing Barat menyumbang kepada pulangan ekonomi yang besar kepada Jordan khususnya dari segi hasil pertanian, tenaga mahir dan industri pelancongan. Dasar kerajaan Jordan amat mengecewakan penduduk Palestin seperti yang dikritik oleh naib datuk bandar Baitul Maqdis pada tahun 1953 yang menyifatkan dasar Amman ini sebagai “*neglect, subjugation and humiliation*” (pengabaian, penindasan dan penghinaan) (Kerr 1971, 359). Sementara itu menurut Dakkak (1987), pengabaian ini bertujuan untuk mengukuhkan “kawalan politik yang lebih baik” oleh Amman terhadap wilayah Tebing Barat, Palestin tadi. Contoh yang jelas adalah dari segi pembangunan infrastruktur pertanian seperti pembinaan terusan yang dipusatkan di Tebing Timur. Sejak tahun 1955, pembinaan terusan pengairan di lembah Tebing Timur telah dimulakan oleh kerajaan Jordan. Hasilnya pada tahun 1966, terusan ini telah berjaya mengairi kawasan pertanian seluas 120,000 *dunum* (1 *dunum* = 0.1 hektar atau 1,000 m² [Dakkak 1987, 85]) dengan empangan yang dibina boleh menyimpan lebih 600 juta m³ air untuk pertanian. Projek ini disasarkan mampu mengairi lebih 172,000 *dunum* lagi menjelang tahun 1981. Sementelahan itu, sektor pertanian dan pengairan di Tebing Barat kekal diabaikan oleh kerajaan Jordan .

Sebenarnya, wilayah Tebing Barat, Palestin, adalah amat penting dari segi pertanian kepada Jordan walaupun pembangunan infrastruktur pertanian di wilayah Tebing Timur diutamakan atas perhitungan politik. Contohnya, sebelum tahun 1967, wilayah Tebing Barat direkodkan telah menyumbang suku daripada tanah pertanian dan hampir separuh industri pertanian yang merangkumi 40% keluaran dalam negara kasar (KDNK) Jordan. Tebing Barat juga merupakan kawasan pertanian paling produktif di Jordan. Lebih 90% hasil minyak zaitun misalnya dikeluarkan dari wilayah ini dan 2/3 hasil pengeluaran buah-buahan yang merupakan salah satu komoditi utama Jordan, seperti anggur dan sitrus, turut dikeluarkan dari wilayah ini. Dari segi nilai pengeluaran pula, eksport domestik Jordan khususnya tomato

dan tembikai menyumbang kepada GBP2 juta bagi tahun 1966 sahaja manakala 40% hasil bijirin dan hasil daging kambing serta produk biri-biri datangnya dari wilayah Tebing Barat (Howel 1967). Justeru, setelah Jordan kehilangan wilayah Tebing Barat ini pada tahun 1967 kepada rejim Israel, impaknya kepada Amman amat besar. Kajian oleh Mutawi (1987) misalnya membuktikan kehilangan Tebing Barat “deprived the country of a quarter of its cultivatable land and nearly half of its industry, accounting for almost 40% of its Gross National Product”.

Wilayah Tebing Barat, khususnya di Bandar Lama Baitul Maqdis yang terletak di bahagian timur kota bersejarah ini, juga merupakan kawasan yang amat penting kepada industri pelancongan Jordan. Kawasan ini merupakan antara lokasi tarikan pelancongan yang terpenting dan menghasilkan sumber pendapatan yang lumayan kepada penduduk Tebing Barat dan Jordan. Pada tahun 1966 misalnya, sektor pelancongan banyak tertumpu di wilayah Baitul Maqdis Timur-Bethlehem. Dianggarkan 14% daripada KDNK Tebing Barat berpunca daripada sektor pelancongan di Baitul Maqdis Timur manakala 70% hasil pelancongan Jordan pula datangnya dari wilayah Tebing Barat. Malah pada tahun tersebut, 40 daripada 59 buah hotel di wilayah Tebing Barat terletak di Baitul Maqdis Timur dengan 13 daripadanya diiktiraf sebagai hotel bertaraf empat bintang dan ke atas (United Nations Conference on Trade and Development 2013). Pada tahun 1960, nilai pelancongan di Tebing Barat khususnya di Baitul Maqdis Timur menyumbang lebih GBP3.5 juta pendapatan kepada Jordan dan jumlah ini meningkat kepada lebih GBP12 juta pada tahun 1966 (Howel 1967).

Penaklukan Tebing Barat oleh Israel (1967) dan perubahan sikap Jordan sehingga 1988

Sebaik Israel menakluki wilayah Tebing Barat pada Jun 1967, Raja Hussein pada peringkat awalnya masih menganggap wilayah Palestin ini sebagai wilayah Jordan. Contohnya dalam ucapan beliau dalam sesi tergepang Perhimpunan Agung PBB pada 26 Jun 1967, Raja Hussein ketika mengkritik penjajahan Israel telah dipetik sebagai berkata, “The whole of the West Bank of Jordan, my country” (Hussein 1967). Sikap Jordan yang menganggap wilayah Tebing Barat sebagai sebahagian daripada wilayah negara tersebut kemudiannya beransur-ansur berubah khususnya pada era 1970-an dan 1980-an. Perubahan ini berpunca daripada beberapa sebab dan makalah ini akan memfokuskan kepada salah satu sebab utamanya iaitu tekanan politik dunia Arab terutamanya desakan oleh organisasi politik Palestin seperti Palestine Liberation Organization (PLO).

Ditelusuri kembali, telah terketut perang antara negara-negara Arab yang diketuai oleh Mesir dengan rejim Israel pada bulan Jun tahun 1967. Perang yang berlangsung

dalam tempoh enam hari sahaja itu menyaksikan kekalahan negara-negara Arab yang turut disertai oleh Jordan. Israel kemudiannya telah menakluki wilayah Arab seperti wilayah Gaza daripada Mesir, Bukit Golan daripada Syria dan wilayah Tebing Barat daripada Jordan. Selain ekonomi, penaklukan Tebing Barat ini telah memberi satu tamparan hebat dari segi politik kepada kepimpinan Raja Hussein. Baginda yang selama ini dilihat sebagai pelindung kota suci Baitul Maqdis, kini dilihat sebagai seorang pemimpin yang lemah dan gagal. Penaklukan Israel menyebabkan penduduk Palestin bukan sahaja menyalahkan Raja Hussein, bahkan juga seluruh dinasti beliau. Laporan oleh British Council pada tahun 1970 di Amman misalnya turut mengesahkan keadaan ini:

King Hussein's grandfather is blamed for causing the refugee problem by calling on the Arabs of Jaffa, Haifa and elsewhere to forsake their homes, and for giving up Ramla and Lydda to the Israelis without a fight. King Hussein himself is blamed for having given preference to the East Bank over the West Bank during the period they were united under his rule; for giving the West Bank into the hands of Israel by his ill-fated attack on the latter in 1967. And now for trying to liquidate the fedayeen, the only people who can be said to represent the West Bank personality... Perhaps because of the Israeli presence, there has been little in public of this anti-Hussein feeling. (Woodrow 1970)

Kegagalan kerajaan Jordan mempertahankan wilayah Tebing Barat, Palestin dan Baitul Maqdis Timur daripada ditakluki oleh Israel amat mengecewakan majoriti penduduk Palestin seterusnya meningkatkan bibit-bibit penentangan terhadap monarki Jordan. Dalam menggambarkan senario ini, kajian oleh Ashton misalnya merumuskan bahawa “Jordan's loss of the West Bank to Israel severely exacerbated Palestinian discontent with the Hashemites (and Arab national leaders more generally)” (Ashton 2008, 137). Sementelahan itu, Nassar (1997) menyatakan bahawa kekalahan Jordan tersebut turut membawa kepada perubahan orientasi politik warga Palestin yang kini lebih bersifat berdikari (*self-reliance*) dan juga kesedaran terhadap perbezaan identiti antara warga Jordan dengan warga Palestin. Malah, pasca perang 1967 ini turut menyaksikan senario *crystallization of a Jordanian identity vis-à-vis a Palestinian identity* (pengukuhan identiti Jordan berbanding identiti Palestin) (Nèvo 1998).

Pada masa yang sama, selepas Perang Jun 1967 sehingga era 1970-an, organisasi politik Palestin dan kelompok pejuang Palestin yang dikenali sebagai *fedayeen* (pejuang pembebasan) mula lantang menuntut pengiktirafan bahawa wilayah Tebing Barat adalah wilayah Palestin dan bukannya Jordan (Tatham 1970; Phillips 1971a). Antara organisasi tersebut ialah organisasi politik terbesar mereka iaitu PLO yang diketuai oleh pengerusi PLO ketika itu, Ahmad Shuqairi. Quandt (1977) menggambarkan keadaan politik di Jordan ketika itu sebagai “from February

1970 on, the *fedayeen* had succeeded in undercutting King Hussien's authority in the point of virtually becoming a state within a state". Dalam menolak desakan organisasi politik Palestin khususnya PLO tadi, pemimpin-pemimpin rejim Hussein seperti Perdana Menteri Wasfi al-Tal berulang kali mengkritik tuntutan kepimpinan Palestin yang dianggap seperti "barah" kepada Jordan dan Amman tekal menegaskan bahawa Tebing Barat ialah wilayah Jordan (Sharnoff 2022, 44; Phillips 1970). Malah, Jordan menuduh pejuang Palestin di Jordan ini sebagai manusia yang "tidak bersyukur dan pengkhianat" (Day 1986, 61).

Rasa tidak puas hati penduduk Palestin terhadap monarki Jordan kemudiannya telah mengakibatkan berlakunya konflik terbuka antara Raja Hussein dengan penduduk Palestin. Perseteruan ini mencapai kemuncaknya ketika berlaku gerakan ketenteraan besar-besaran oleh Jordan untuk menghapuskan pejuang Palestin atau *fedayeen* sejak tahun 1970 hingga tahun 1971 yang dikenali sebagai peristiwa "The Black September". Pertempuran awal Jordan-Palestin telah tercetus pada bulan Februari, April dan Jun 1970 di bandar-bandar Jordan seperti Amman, Jerash, Irbid, Karame dan Zerka. Bermula pada September 1970 sehingga Julai 1971, rejim Hussein telah menggerakkan ketumbukan tentera yang lebih besar untuk menghapuskan pejuang-pejuang Palestin ini. Dianggarkan sekitar 3,000 hingga 4,000 pejuang *fedayeen* berjaya dibunuh oleh tentera-tentera Jordan, tidak termasuk kematian orang awam (Riedel 2020). Tindakan tentera Jordan ini adalah atas arahan Raja Hussein sepenuhnya yang menuduh pejuang Palestin ini sebagai *professional conspirators* (konspirator profesional) (Carter 1971a; Alfree 1971). Sehingga September 1970 misalnya, dianggarkan lebih 800 rakyat Palestin dibunuh oleh rejim Hussein (Wheeler 1971) manakala dalam pertempuran dahsyat pada Julai 1971, lebih 600 pejuang Palestin dibunuh oleh tentera-tentera Jordan (British Embassy, Tel Aviv 1971).

Tindakan ganas tentera Jordan ini telah dikritik oleh pemimpin-pemimpin utama PLO, antaranya ialah Yasser Arafat. Dalam satu kenyataan pada 8 Januari 1971 di Algeria, Arafat (1971) telah menyeru pemimpin Arab untuk menyokong revolusi Palestin yang sedang digayang oleh rejim Hussein. Malah, beliau turut menuduh Raja Hussein yang disokong oleh Israel dan Amerika Syarikat sedang berusaha untuk menghapuskan penduduk Palestin dan merayu sokongan negara-negara Arab untuk campur tangan membantu pejuang-pejuang Palestin (Carter 1971b). Menurut Barari (2008) peristiwa pembunuhan beramai-ramai warga Palestin oleh rejim Hussein dalam konflik ini sebagai "the most formative episode that has determined much of (Transjordanian-Palestinian) subsequent bilateral relations".

Konflik berdarah Black September tadi cuba dihentikan melalui Perjanjian Kaherah pada 27 September 1970, namun pertempuran berterusan dalam skala yang lebih kecil termasuklah tragedi pembunuhan Perdana Menteri Jordan, Wasfi

al-Tal oleh pejuang Palestin di Kaherah pada 28 November 1971 (Phillips 1971a; 1971b). Lanjutan daripada peristiwa ini, untuk tempoh beberapa tahun mendatang penduduk Palestin terpaksa berdepan dengan pelbagai tekanan dan kezaliman berterusan oleh rejim Hussein. Walaupun begitu selepas tahun 1971, sikap kerajaan Jordan terhadap penduduk Palestin mula beransur lunak bertujuan untuk mempromosikan kesatuan Jordan-Palestin. Bagi meredakan ketegangan politik Palestin-Jordan, rejim Hussein kemudiannya mencadangkan penubuhan negara persekutuan Jordan-Palestin pada 15 Mac 1972 yang dikenali sebagai United Arab Kingdom (UAK) (Salibi 1998, 251). Cadangan oleh Raja Hussein ini antara lain mengusulkan negara persekutuan ini yang mengandungi dua wilayah iaitu wilayah Palestin dan wilayah Jordan ditadbir di bawah satu institusi monarki (Graltan 1972). Malah dalam pertemuan baginda kemudiannya pada Februari 1973 dengan Presiden Richard Nixon dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr. Henry Kissinger, baginda menerangkan tentang idea penubuhan UAK dan kekal berhasrat untuk mendapatkan semula wilayah Tebing Barat, Palestin, seperti sebelum penaklukan Israel pada 1967 (Quandt 1977, 154). Namun demikian, majoriti pemimpin negara Arab dan Majlis Eksekutif PLO telah menolak cadangan Raja Hussein dan berterusan mendesak Amman untuk mengiktiraf wilayah Tebing Barat sebagai wilayah Palestin yang merdeka. PLO malah menyeru kepada penghapusan rejim Hussein yang disifatkan sebagai “dinasti yang menyokong objektif imperialisme dan zionisme” (British Embassy Beirut 1972; The Arab World 1972).

Dalam persidangan Liga Arab di Rabat pada tahun 1974, Raja Hussein kemudiannya terpaksa mengiktiraf PLO sebagai “the sole legitimate representative of the Palestinian people”, dan mengakui kewujudan “independent national authority of Palestine” atas desakan negara-negara Arab khususnya Mesir (Hart 1984, 397). Persidangan ini sesungguhnya telah meleburkan impian monarki Jordan sejak era Raja Abdullah I untuk menjadikan Palestin sebahagian daripada Jordan. Menurut Solbi (2022), Persidangan Rabat menyaksikan “the king’s biggest political setback since the 1967 war”. Bagi pihak PLO pula, resolusi Persidangan Rabat amatlah dinantikan. Adnan Abu-Odeh, Menteri Penerangan Jordan berketurunan Palestin, menjelaskan bahawa “the PLO in particular did not want Israel to release lands so as to be incorporated into Jordan. It wanted any released land to be a site for a future Palestinian state under its own leadership” (al-Madfai 1993, 23). Bermula daripada Persidangan Rabat inilah, sikap Jordan yang selama ini mendakwa mereka mewakili suara penduduk Palestin dan Tebing Barat ialah wilayah Jordan mulai berubah. PLO kemudiannya telah mengambil alih posisi Jordan sebagai wakil rasmi Palestin terutama setelah PLO diberikan status pemerhati dalam Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1974 (Tschirgi 1989, 28).

Walaupun dari segi luarannya Raja Hussein terpaksa menerima ketetapan negara-negara Arab dalam Persidangan Rabat tersebut, namun hakikatnya baginda masih tidak dapat mengiktiraf kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka. Menurut Nasur, Al-Fawwaz dan Al-Afif (2012), walaupun Jordan terpaksa mengakui PLO sebagai satu-satunya wakil sah Palestin seperti yang diputuskan dalam Persidangan Rabat, namun Raja Hussein tetap enggan menggugurkan tuntutan kedaulatan Jordan terhadap wilayah Tebing Barat, Palestin. Selanjutnya selepas mesyuarat kabinet pada 9 September 1978, Jordan dengan retorik diplomatik tetapi masih menampakkan rasa tidak gembira menyatakan bahawa sebarang rundingan yang tidak disertai oleh negara Arab secara kolektif (termasuk Jordan) hanyalah melemahkan suara dunia Arab. Malah, kabinet Jordan kekal merujuk kedaulatan wilayah Tebing Barat dan Baitul Maqdis sebagai wilayah Arab dan bukannya Palestin (al-Madfai 1993, 48). Sementara itu, rasa tidak senang Raja Hussein ini turut didedahkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Jimmy Carter, dalam memoir beliau ketika bertemu Raja Hussein di Washington pada era 1970-an. Menurut Carter (1982, 395), “Hussain agreed that the Palestinians in the West Bank and Gaza area should have self-determination but not the right to claim independence”.

Kongres ke-16 Palestine National Council (PNC) di Algiers pada 22 Februari 1983 dan kongres ke-17 PNC di Amman pada 22 November 1984 kemudiannya mengulangi pendirian tentang tuntutan kedaulatan Tebing Barat dan misi penubuhan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka, seterusnya memisahkan wilayah ini daripada Jordan (al-Madfai 1993, 88). Hubungan politik Palestin-Jordan ini kelihatannya makin memburuk pada akhir tahun 1987 apabila tercetusnya gerakan intifada yang bukan sahaja menyasarkan rejim Zionis Israel, tetapi juga penentangan terhadap pentadbiran Jordan di wilayah Tebing Barat. Kebangkitan intifada mulai 9 Disember 1987 ini telah mengukuhkan kedudukan PLO dalam persaingan politik dengan kerajaan Jordan dalam menjuarai hal ehwal Palestin. Mengambil kira desakan politik berterusan penduduk Palestin khususnya oleh PLO dan kekhuatiran merebaknya gelombang intifada ke Tebing Timur, Raja Hussein akhirnya bersetuju dengan pemisahan pentadbiran dan undang-undang (*disengagement*) Tebing Barat daripada Jordan (Névo 2003, 70). Tekanan politik yang kian besar kepada Raja Hussein ini turut dinyatakan oleh penganalisis Gabbay (2014) yang merumuskan bahawa “The king was outraged at this betrayal and began to seriously contemplate disengaging from the West Bank entirely”.

Akhirnya pada 31 Julai 1988, Raja Hussein dalam pengumuman yang disiarkan melalui saluran televisyen ke seluruh Jordan mengisytiharkan pemisahan (*disengagement*) dalam hubungan Jordan dengan wilayah Tebing Barat untuk kesekian kalinya. Raja Hussein kemudiannya mengisytiharkan secara rasmi bahawa Jordan bukanlah Palestin dan menegaskan bahawa PLO ialah suara

rasmi yang sah mewakili rakyat Palestin (bukannya Jordan lagi). Baginda juga mengisytiharkan bahawa Jordan akan menamatkan semua kawalan perundangan dan pentadbiran Amman di wilayah Tebing Barat (Hussein 1988). Walaupun sikap monarki Jordan berbeza nada sebelum dan selepas tahun 1967, namun hakikat sebenarnya, sepanjang era 1980-an sehinggalah kemangkatan Raja Hussein pada tahun 1999, monarki Jordan tidak pernah melupakan impian besar mereka untuk mengekalkan Tebing Barat, Palestin, sebagai wilayah Jordan (*The New York Times* 1999). Raja Hussein sendiri dengan tegas berikrar pada bulan Mei tahun 1982 bahawa “We and the Palestinians have been a single people in the past and the present” (Chatterji 1987, 497).

Kesimpulan

Sehingga kini, kerajaan Jordan sering menafikan bahawa mereka pernah “menjajah” wilayah Palestin selama 19 tahun bermula sejak tahun 1948 sehingga 1967. Semasa berlangsungnya mesyuarat Majlis Keselamatan PBB pada 5 Januari 2023 misalnya, Wakil Tetap Jordan ke PBB Mahmoud Hamoud, menegaskan bahawa polisi pentadbiran Jordan khususnya tindakan menyatukan Tebing Barat dan Tebing Timur pada tahun 1950 merupakan dasar yang bertujuan “for the Palestinians to exercise the right to self-determination, and half of the Jordanian government was from the West Bank” (*Arab News* 2023). Malah, Raja Abdullah II dalam ucapan baginda di Perhimpunan Agung PBB ke-76 secara terbuka menyokong perlaksanaan idea *two-states solution* (penyelesaian dua negara) dalam konflik Arab-Israel, dengan wilayah Tebing Barat akan menjadi sebahagian daripada wilayah negara Palestin merdeka dan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negeranya (El-Khazen 2021). Ironinya, fakta sejarah sebaliknya menunjukkan bahawa dalam tempoh pemerintahan monarki Jordan tadi terutamanya di bawah Raja Abdullah I, tidak pula sesekali pernah muncul istilah *Palestinian’s right to self-determination* (hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri) dalam kamus politik kerajaan Jordan, apatah lagi mengiktiraf kewujudan sebuah negara Palestin yang bebas melalui konsep “dua negara merdeka” – Palestin dan Jordan.

Penelitian sejarah juga menunjukkan bahawa sikap monarki Jordan tentang status wilayah Tebing Barat, Palestin, berubah sebelum dan selepas tahun 1967. Sejak tahun 1948, monarki Jordan mendakwa wilayah ini sebahagian daripada wilayah Jordan. Malah pada tahun 1950, wilayah ini secara rasminya telah disatukan di bawah pemerintahan Jordan dengan wilayah Tebing Timur, Transjordan. Namun setelah Israel menakluk wilayah ini termasuklah kawasan Baitul Maqdis Timur dalam Perang Arab-Israel, Jun 1967, sikap monarki Jordan beransur-ansur berubah. Sekiranya selama ini wilayah Tebing Barat dianggap sebagai wilayah Jordan, namun Tebing Barat telah dianggap sebagai wilayah Palestin yang dijajah

mulai era 1970-an, dan kemuncak kepada perubahan ini ialah pada tahun 1988 apabila Raja Hussein memisahkan pentadbiran dan undang-undang Jordan di wilayah Tebing Barat.

Sikap monarki Jordan terhadap wilayah Tebing Barat ini juga dilihat tidak selari dengan dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh Amman pada tahun 1949 sehingga 1967. Walaupun Tebing Barat didakwa sebagai wilayah Jordan tetapi pemerintah Jordan telah melaksanakan dasar diskriminasi terhadap wilayah ini. Integrasi rakyat yang diharapkan melalui proses penyatuan Tebing Barat dengan Tebing Timur tidak berjalan lancar akibat daripada polisi pembangunan yang berat sebelah selain layanan yang tidak adil kepada penduduk asal Palestin berkewarganegaraan Jordan. Dasar ini telah membawa kepada rasa tidak puas hati dan penentangan penduduk Palestin terhadap kepimpinan Jordan selain kemunculan kesedaran tentang identiti bangsa Palestin yang berbeza dengan bangsa Jordan. Kegelisahan penduduk Palestin ini mencapai kemuncaknya ketika kebangkitan bersenjata menentang monarki Jordan selepas Perang Arab Israel 1967 sehingga membawa kepada tragedi perang saudara “The Black September” pada era 1970-an.

Akibat desakan daripada dunia Arab dan penentangan penduduk serta organisasi politik Palestin, sikap kerajaan Jordan berubah mulai era 1970-an sehingga 1980-an dengan beransur-ansur mengiktiraf identiti, organisasi politik dan kedaulatan wilayah Palestin. Akhirnya, melalui Perjanjian Oslo I pada tahun 1993 dan diikuti dengan Perjanjian Oslo II atau Perjanjian Taba pada tahun 1995, wilayah Tebing Barat secara rasminya tidak lagi dianggap sebagai wilayah Jordan sebaliknya muncul sebagai wilayah Palestin di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Palestin (PA) (United States Department Office of the Historian 1993; United Nations 1995). Sejarah telah menunjukkan sikap rejim Jordan terhadap impian kemerdekaan rakyat Palestin di Tebing Barat ketika ditadbir oleh Amman sejak tahun 1948 tidaklah banyak berbeza dengan imperialisme Israel mulai tahun 1967. Natijahnya, penjajahan, diskriminasi dan marginalisasi terhadap rakyat Palestin tetap berterusan sama ada ketika diperintah oleh bangsa Arab sendiri, dan apatah lagi di bawah pemerintahan rejim Zionis.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Geran Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FRGS/1/2024/SSI06/USM/02/2. Kajian ini turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Himpunan Lepas Institusi Pendidikan (HALUAN) Malaysia (Cawangan Pulau Pinang).

Rujukan

- Abu-Odeh, Adnan. 1999. *Jordanians, Palestinians and the Hashemite Kingdom in the Middle East peace process*. Washington: United States Institute of Peace Press.
- Abu-Odeh, Adnan and Tahir, Moeen. 2017. *Yawmiyaat 'Adnan Abu 'Awdah, 1970–1988* [*Diary of Adnan Abu-Odeh, 1970–1988*]. Doha: Al-Markaz Al-‘Arabi lil-Abḥath wa-Dirasat al-Siyasat.
- Alfree, P.S. 1971. File FCO17/1410. *Translation of Arabic text in a letter from Alfree, Amman to Long, C.W., Foreign Office, 5 May 1971*. London: The National Archive.
- Al-Husseini, Jalal. 2013. Jordan and the Palestinians. In *Atlas of Jordan: Histories, territories and society*, ed. Myriam Ababsa, 230–245. Beirut: Presses de L’Ifpo.
- Al-Madfai, Madiha Rashid. 1993. *Jordan, the United States and the Middle East peace process, 1974–1991*. New York: Cambridge University Press.
- Arab News. 2023. Jordan rejects Israeli “lies” over West Bank at UN Security Council. 6 January. Retrieved from <https://www.arabnews.com/node/2227866/middle-east> (accessed 29 May 2023).
- Arafat, Yasser. 1971. File FCO 17/1409. *Text of the message in Arabic by Abu Ammar (Yasser Arafat) to all Arab leaders, 8 January 1971*. London: The National Archive.
- Ashton, N. 2008. *King Hussein of Jordan: A political life*. New Haven: Yale University Press.
- Awartani, H. 1979. *A survey of industry in the West Bank and the Gaza Strip*. Birzeit: Birzeit University Publisher.
- Bailey, C. 1984. *Jordan’s Palestinian challenge, 1948–1983*. Boulder: Westview Press.
- Barari, A. Hasan. 2008. Four decades after Black September: A Jordanian perspective. *Civil Wars* 10(1): 231–243.
- Brand, A.L. 1995. Palestinians and Jordanians: A crisis of identity. *Journal of Palestine Studies* 24(4): 46–61.
- Brand, L. 1988. *Palestinians in the Arab World: Institution building and the search for state*. New York: Columbia University Press.
- British Embassy, Beirut. 1972. File FCO 17/1687. *Reports by Chancery, British Embassy in Beirut, 13 April 1972*. London: The National Archive.
- British Embassy, Tel Aviv. 1971. File FCO 17/1375. *Reports by British Embassy, Tel Aviv*. London: The National Archive.
- Carter, C.P. 1971a. File FCO 17/1409. *Reports in a letter from Carter to C.W Long, 29 January 1971*. London: The National Archive.
- _____. 1971b. File FCO 17/1410. *Letter from Carter to Long, C.W, Foreign Office, 4 June 1971*. London: The National Archive.
- Carter, J. 1982. *Keeping faith, memoirs of a president*. London: Collins.
- Chatterji, C.N. 1987. *The history of the Middle East*. New Delhi: Sterling Publishers Limited.
- Dakkak, I. 1987. Development and control in the West Bank. *Arab Studies Quarterly* 7(2/3): 74–87.
- Day, A. 1986. *West Bank/East Bank: Jordan and the prospects for peace*. New York: Council on Foreign Relations.

- Department of State. 1976. 867N.01/12-448: Telegram. Mr. Wells Stabler to the acting secretary of state. In *Foreign relations of the United States, 1948, the Near East, South Asia, and Africa, volume V, part 2*, eds. H.A. Fine and P. Claussen. Document 809. Washington: United States Government Printing Office. Retrieved from <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1948v05p2/d809> (accessed 19 May 2023).
- El-Khazen, Ibrahim. 2021. Jordan's king reiterates support for 2-state solution to Israeli-Palestinian conflict in UN speech. *Anadolu Ajansı*, 23 September. Retrieved from <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/jordans-king-reiterates-support-for-2-state-solution-to-israeli-palestinian-conflict-in-un-speech/2372384#> (accessed 1 June 2023).
- El-Muhtaseb, Lamis. 2013. *Jordan's East Banker-Palestinian schism: Expert analysis*. Oslo: Norwegian Peace Building Resources Centre.
- Gabbay, M.S. 2014. The status of Palestinians in Jordan and the anomaly of holding a Jordanian passport. *Journal of Political Sciences and Public Affairs* 2(1): 1-6.
- Gelber, Y. 1997. *Jewish-Transjordanian relations: 1921-48*. London: Frank Cass.
- Grattan, P.H. 1972. File FCO 17/1688. *Copy of the establishment of the UAK from King Hussein to the prime minister of Britain. Telegram no. 124, from the British ambassador in Amman, Grattan to Lord Bridges, 16 March 1972*. London: The National Archive.
- Haddad, W.M. and Hardy, M.M. 2003. Jordan's alliance with Israel and its effects on Jordanian-Arab Relations. In *Israel, the Hashemites and the Palestinians: The fateful triangle*, eds. E. Karsh and P.R. Kumaraswamy, 31-48. London: Frank Cass.
- Hart, A. 1984. *Arafat. Terrorist or peacemaker?* London: Sidgwick & Jackson.
- Howel, P.H. 1967. File OD 34/281. Note "Jordan economy if Israel retain control in West Bank" in a letter from Howel to C.R.A. Rao. 16 June. London: The National Archive.
- Hussein, King. 1988. Address to the nation, Amman, July 31, 1988. Retrieved from http://www.kinghussein.gov.jo/88_july31.html (accessed 1 June 2023).
- _____. 1967. Address by King Hussein Ibn Talal, United Nations general assembly, fifth emergency special session, A/PV.1536, June 26, 1967. Retrieved from <http://undocs.org/en/A/PV.1536> (accessed 1 June 2023).
- Jahshan, J.G. and Jahshan, M.A. 1962. *Guide to the West Bank of Jordan*. Amman: National Printing Press.
- Jordanian Parliament. 1950. Resolution regarding the annexation of the West Bank [English text], April 24. Retrieved from https://www.jewishvirtuallibrary.org/jsources/arabs/jordan_annexation.pdf (accessed 3 June 2023).
- Kamel, L. 2022. Framing the partition plan for Palestine. *The Cairo Review of Global Affairs* (Winter). Retrieved from <https://www.thecaireview.com/essays/framing-the-partition-plan-for-palestine> (accessed 30 May 2023).
- Karsh, E. 2010. *Palestine betrayed*. New Heaven: Yale University Press.
- Kerr, M. 1971. The changing political status of Jerusalem. In *The transformation of Palestine: Essays on the origins and development of the Arab Israeli conflict*, ed. Ibrahim Abu-Lughod, 355-378. Evanston: Northwestern University Press.
- Khalidi, R. 2007. *The iron cage: The story of Palestinian struggle for statehood*. London: One World Publication.
- Klien, M. 2001. *Jerusalem: The contested city*. London: Hurst & Company.

- Krämer, G. 2008. *A history of Palestine: From the Ottoman conquest to the founding of the state of Israel*. New Jersey: Princeton University Press.
- Lunt, J. 1989. *Hussein of Jordan: Searching for a just and lasting peace*. New York: William Morrow & Company, Inc.
- Mishal, S. 1978. *West Bank East Bank: The Palestinians in Jordan, 1949–1967*. New Haven: Yale University Press.
- Mutawi, A. Samir. 1987. *Jordan in the 1967 War*. London: Cambridge University Press.
- Nanes, S. 2010. Hashemitism, Jordanian national identity, and the Abu Odeh episode. *The Arab Studies Journal* 18(1): 162–95.
- Nassar, R. Jamal. 1997. The culture of resistance: The 1967 War in the context of the Palestinian struggle. *Arab Studies Quarterly* 19(3): 77–98.
- Nasser, R. 2004. Exclusion and the making of Jordanian national identity: An analysis of school textbooks. *Nationalism and Ethnic Politics* 10(2): 68–69.
- Nasur, Ibrahim M. Bani, Al-Fawwaz, Abdulrahman and Al-Afif, Ahmad K. 2012. Jordanian foreign policy towards the Palestinian issue. *British Journal of Arts and Social Sciences* 8(1): 1–16.
- Névo, J. 2003. Jordan, the Palestinians, and the al-Aqsa intifada. *Civil Wars* 6(3): 70–85.
- _____. 1998. *The Jordanian, Palestinian and the Jordanian-Palestinian identity*. Paper presented at the Fourth Nordic Conference on Middle Eastern Studies, The Middle East in Globalizing World. Oslo, 13–16 August.
- _____. 1996. *King Abdallah and Palestine: A territorial ambition*. New York: St. Martin's Press.
- Pappē, I. 2007. *The ethnic cleansing of Palestine*. London: One World Publication.
- Phillips, J.F.S. 1971a. File FCO 17/1415. *Diplomatic report no. 531/71 from His Excellency Phillips to the British Foreign Secretary, Sir Alec Douglas-Home, 14 November 1971*. London: The National Archive.
- _____. 1971b. File FCO17/1410. *Diplomatic report II from Phillips, Amman to Sir Alec Douglas-Home, 3 December 1971*. London: The National Archive.
- _____. 1970. File FCO17/1062. *Letters from Phillips, Amman to Tripp, J.P. Foreign Office, 21 August 1970*. London: The National Archive.
- Quandt, W. 1977. *Decade of decisions: American policy towards the Arab Israeli conflict*. Los Angeles: University of California Press.
- Riedel, B. 2020. Fifty years after “Black September” in Jordan. *Studies in Intelligence* 64(2): 35–41.
- Salibi, K. 1998. *The modern history of Jordan*. London: I.B. Tauris Publishers.
- Sharnoff, M. 2022. Changing attitudes toward the West Bank in Jordan. *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies* 46(1): 44–70.
- Shlaim, A. 2012. Israel and the Arab coalition in 1948. In *The war for Palestine: Rewriting the history of 1948*, eds. E. Rogan and A. Shlaim, 79–103. London: Cambridge University Press.
- _____. 2007. *Lion of Jordan: The life of King Hussein in war and peace*. New York: Alfred A. Knopf.
- _____. 1999. The debate about 1948. In *The Israel Palestine question*, ed. I. Pappē, 287–304. London: Routledge.
- _____. 1988. *Collusion across the Jordan: King Abdullah, the Zionist Movement, and the partition of Palestine the Jordan*. New York: Clarendon Press.

- Shwadran, B. 1959. *Jordan: A state of tension*. New York: Council for Middle Eastern Affairs Press.
- Sorby, J.K. 2022. Jordan in the struggle for its own survival, 1967–1974. *Asian and African Studies* 31(2): 235–250. <https://doi.org/10.31577/aassav.2022.31.2.01>
- Sykes, C. 1965. *Crossroads to Israel: Palestine from Balfour to Bevin*. London: Collins.
- Talal, Hassan Ben. 1981. *Palestinian self-determination: A study of the West Bank and Gaza Strip*. London: Quartet Book.
- Tatham, D.E. 1970. File FCO 51/131. *Memorandum Research Department, Foreign and Commonwealth Office, enclosed in a letter from Tatham, British Embassy, Jeddah to Mr. Fullerton, Arabian Department, Foreign Office, 10 March 1970*. London: The National Archive.
- Tessler, M. 1994. *A history of the Israeli-Palestinian conflict*. Bloomington: Indiana University Press.
- The Arab World*. 1972. File FCO 17/1687. Excerpt from a letter from I.R Callan, Beirut to V.E Beckett, 18 March 1972. 19 March. London: The National Archive.
- The Constitution of the Hashemite Kingdom of Jordan. 1993. *Arab Law Quarterly* 7(4): 272–289. <https://doi.org/10.2307/3381635>
- The Guardian*. 1951. Assassination of King Abdullah. 21 July. Retrieved from www.theguardian.com/theguardian/1951/jul/21/fromthearchive (accessed 5 June 2023).
- The New York Times*. 1999. Death of the king, the overview: Hussein of Jordan, voice for peace, dies. 8 February. Retrieved from <https://www.nytimes.com/1999/02/08/world/death-of-a-king-the-overview-hussein-of-jordan-voice-for-peace-dies.html> (accessed 1 June 2023).
- Tschirgi, D. 1989. *The American search for Middle East peace*. New York: Praeger.
- United Nations. 1995. Israeli-Palestinian interim agreement on the West Bank and the Gaza Strip (a.k.a. “Oslo II”). Retrieved from <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-185434> (accessed 2 June 2023).
- _____. 1949. Hashemite Kingdom of Jordan-Israel: General armistice agreement. Document S/1302/REV.11/. 3 April. Retrieved from <https://unispal.un.org/DPA/DPR/unispal.nsf/0/F03D55E48F77AB698525643B00608D34> (accessed 2 June 2023).
- United Nations Conference on Trade and Development. 2013. *The Palestinian economy in East Jerusalem: Enduring annexation, isolation and disintegration*. New York: United Nations.
- United States Department Office of the Historian. 1993. The Oslo accords and the Arab Israeli peace process. Retrieved from <https://history.state.gov/milestones/1993-2000/oslo> (accessed 1 June 2023).
- Wheeler, P.D. 1971. File FCO 93/92. *A letter from Wheeler to Mr. Armitage, 25 February 1971*. London: The National Archive.
- Woodrow, G.W. 1970. File FO17/1361. *Confidential report from Woodrow, Acting British Council General, Jerusalem to R.M. Evans, R.M. Foreign Office, West Bank situation political affairs, 5 October 1970*. London: The National Archive.
- Yapp, M.E. 1996. *The near east since the First World War: A history to 1995*. London: Longman.
- Yitschak, B.G. 1991. *Politics, lies, and videotape: 3,000 questions and answers on the Mideast crisis*. New York: Shapolsky Publishers.